

## **BAB II**

### **LATAR BELAKANG SEJARAH DAN BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH ACEH**

#### **2.1. Pengenalan.**

Mahkamah Syariah telah diwujudkan di Aceh sejak zaman sebelum kemerdekaan Indonesia iaitu ketika Aceh masih lagi berbentuk kerajaan yang berdiri sendiri. Negara ini tidak mengikut mana-mana wilayah yang dikenal di Indonesia.<sup>1</sup> Untuk lebih memudahkan dan sistematik dalam memberikan keterangan sejarah Mahkamah Syariah yang telah wujud di Aceh sejak zaman kerajaan, pengkaji akan membahagikan perbahasan sejarah ini kepada beberapa bahagian.

#### **Bahagian Pertama : Zaman Sebelum Kemerdekaan Indonesia.**

Bahagian pertama ini dibahagikan kepada beberapa bahagian lagi iaitu :

- A. Pada zaman kerajaan Aceh ( 840 - 1874)
- B. Pada zaman penjajahan Belanda ( 1874 - 1942)
- C. Pada zaman penjajahan Jepun (1942-1945)

#### **Bahagian Kedua : Zaman Setelah Kemerdekaan Indonesia Pada Tahun 1945.**

Perbahasan bahagian ini juga dibahagikan kepada beberapa bahagian :

- A. Sebelum penggubalan Undang-undang No. 7 tahun 1989 Tentang Pengadilan Agama.

---

<sup>1</sup> Drs.Husaini Husda (2007), “Sejarah Pemberlakuan Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam” dalam Dr. H. Azman Ismail et al. *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh : Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 14.

Bahagian ini telah dibahagikan lagi kepada beberapa bahagian iaitu:

- a. Sejak kemerdekaan ( 17 Ogos 1945 – 27 Disember 1949).
- b. Zaman Republik Indonesia Serikat (27 Disember 1949 – 17 Ogos 1950).
- c. Zaman Republik Indonesia sebagai negara kesatuan (17 Ogos 1950 – 5 Julai 1959).
- d. Zaman Republik Indonesia sebagai negara kesatuan ( 5 Julai 1959 – 1989).

B. Zaman penggubalan Undang-undang No. 7 tahun 1989 tentang Pengadilan Agama sehingga terbentuknya Mahkamah Syariah yang dirasmikan pada 4 Mac 2003.

## **2.2. Zaman Sebelum Kemerdekaan Republik Indonesia.**

Aceh dan undang-undang Islam merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Ini disebabkan Aceh telah mengamalkan undang-undang Islam ketika negara lain di Asia tenggara masih belum menerima agama Islam lagi. Allahyarham Ali Hasyimi, seorang ulama dan ahli sejarah Aceh menyatakan bahawa kerajaan Islam pertama di Asia Tenggara tertegak pada hari Selasa 1 Muharram 225 H (840 M) di Peureulak iaitu wilayah Aceh Timur sekarang.<sup>2</sup>Raja pertama dalam kerajaan tersebut bernama Sultan Alaiddin Syed Maulana Abdul Aziz Syah dan ibu kota negara bernama Bandar Khalifah. Dari Peureulak ini seterusnya Islam berkembang ke seluruh nusantara bahkan ke seluruh Asia Tenggara. Aceh mencapai masa

---

<sup>2</sup> DR.H. Azman Ismail (2007) “Penerapan Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam: Tantangan dan Solusi”, dalam Dr. H. Azman Ismail, M.A. et al. *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*” Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 23.

kemuncak kegemilangannya pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda dari tahun 1607-1636 M.<sup>3</sup>

Syariat Islam dan undang-undang syariah bukanlah sesuatu yang baru dalam kehidupan masyarakat di Aceh. Tetapi, sebelum kedatangan penjajah Belanda, Aceh telah melaksanakan syariat agama Islam. Maka, satu-satunya mahkamah yang berada di Aceh pada masa itu adalah Mahkamah Syariah.<sup>4</sup> Manakala Mahkamah Sivil dan mahkamah lainnya ketika itu belum dikenali lagi.

### **2.2.1. Zaman Kerajaan Aceh.**

Kerajaan-kerajaan Islam yang berada di Aceh pada masa dahulu telah mengamalkan undang-undang syariah Islam. Asas penetapan hukum dalam kehidupan masyarakat berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Undang-undang Islam sedikit sebanyak juga telah mempengaruhi adat istiadat Aceh yang telah berkembang sejak dari dahulu sehingga ke hari ini, sehingga terdapat satu pepatah terkenal di dalam sebuah *Hadih Madja*<sup>5</sup> “*Hukoum ngon adat lagee zat ngon sifeut*” yang memberi maksud hukum/syarak dengan adat istiadat tidak dapat dipisahkan bagaikan zat dengan sifat.<sup>6</sup>

---

<sup>3</sup> Kesultanan Aceh, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Kesultanan\\_Aceh](http://ms.wikipedia.org/wiki/Kesultanan_Aceh), 9 Oktober 2009.

<sup>4</sup> Mahkamah Syariah Aceh (2008), sebagaimana tertulis dalam Powerpoint Mahkamah Syariah Aceh, h. 1.

<sup>5</sup> *Hadih madja* atau dikenali juga dengan istilah *Nariet Maja* adalah peribahasa dan ungkapan dalam Bahasa Aceh, yang merupakan rangkaian kalimah-kalimah singkat, tetapi mengandung erti yang padat, dengan contoh-contoh yang mendalam. Malah ada di antaranya yang terlalu pelik untuk difahami, kerana mengandungi unsur falsafah. Lihat: <http://www.acehforum.or.id/hadith-maja-atawa-t13061.html>, 23 Januari 2010.

<sup>6</sup> Dr. Sri Suyanta et al., (2007) *Buku Panduan Pelaksanaan Syari'at Islam Untuk Remaja, Pelajar dan Mahasiswa*. Banda Aceh: IAIN al-Raniry dan Dinas Syariat Islam Provinsi NAD, h. 155.

Kehidupan masyarakat yang telah menjadikan Islam sebagai undang-undang rasmi kerajaan dan juga sebagai adat telah membentuk sifat masyarakat Aceh yang sangat taksub kepada syariat Islam. Maka, Islam dengan Aceh tidak dapat dipisahkan. Dalam *Hadih Madja* yang lain terdapat satu lagi pepatah terkenal “*Adat Bak Poe Teumeureuhom, Hukom Bak Syiah Kuala, Qanun Bak Putroe Phang, Reusam Bak Lakseumana*,”<sup>7</sup> yang bermaksud, segala perkara adat (kenegaraan) diamanahkan kepada *Poe Teumeureuhom*.<sup>8</sup> Manakala undang-undang Islam diamanahkan kepada seorang ulama yang dikenali sebagai Syiah Kuala.<sup>9</sup> Sementara undang-undang pentadbiran kerajaan diamanahkan kepada Puteri *Phang* (dinamakan *Phang* sebab ia berasal dari negeri Pahang, Malaysia. Nama sebenarnya ialah Puteri Kamaliah). Dan *Reusam*<sup>10</sup> diamanahkan kepada laksamana. Dengan perkataan lain, ia memberi maksud hukum adat di tangan pemerintah dan hukum syarak di tangan ulama.<sup>11</sup>

Perpaduan hukum syarak dan adat istiadat masyarakat Aceh juga telah melahirkan sebuah undang-undang. Undang-undang tersebut bernama *Qanun Meukuta Alam al-Atsy i*(Kanun Kerajaan Aceh)<sup>12</sup> karangan Teungku Di Muleuk. *Qanun* adalah bahasa Arab yang bermaksud undang-undang dan *al-Atsyi* bermaksud

<sup>7</sup> Prof. Dr. Syahrizal et al., (2007) *Dimensi Pemikiran Hukum dalam Implementasi Syariat Islam di Aceh*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi NAD, h. 14.

<sup>8</sup> *Poe Teumareuhom* ialah panggilan bagi Raja Iskandar Muda.

<sup>9</sup> Syiah Kuala ialah Syeikh Abdur Rauf. Lihat Ajidar Matsyah (2004) “Sejarah Kerajaan Islam di Aceh: Kajian Faktor Perkembangan dan Kemerosotan” (Disertasi Master, Kuala Lumpur: Universiti Malaya), h. 93.

<sup>10</sup> *Reusam* bermaksud perkara diplomatik, protokol dan etika. Lihat Muhammad Yunus Ahmad (2008), “Pengkajian sejarah mengenai Darul Islam Aceh: Kajian Perbandingan Dari Sumber Tempatan” (Disertasi Master, Kuala Lumpur: Universiti Malaya), h. 57.

<sup>11</sup> Drs.Husaini Husda (2007), op.cit. h. 29.

<sup>12</sup> Kanun Kerajaan Aceh adalah sebuah kumpulan undang-undang seperti undang-undang Per badanan Malaysia atau Per badanan Persekutuan Malaysia.

Aceh dalam sebutan bahasa Arab.Undang-undang ini merupakan rujukan penting dalam kehidupan masyarakat Aceh dahulu.<sup>13</sup>

Salah satu kes yang sangat terkenal di Aceh ketika ia masih lagi berbentuk kerajaan adalah kes perzinaan yang dilakukan oleh Raja Pupok, anak Sultan Iskandar Muda (1607-1635).<sup>14</sup>Raja Pupok akhirnya dijatuhi hukuman rejam sampai mati sesuai dengan tuntutan syariat Islam.

Pada masa kerajaan Aceh, pentadbiran mahkamah dijawat oleh *Qadhi Malikul 'Adil*<sup>15</sup> yang berpusat di ibu kota kerajaan. *Qadhi Malikul 'Adli* merupakan badan tertinggi dalam struktur mahkamah ketika itu.<sup>16</sup>Dan pada peringkat daerah, pentadbiran mahkamah di bawah kuasa *Qadhi Uleebalang*<sup>17</sup> yang hanya berhak untuk menyelesaikan perkara-perkara yang muncul dalam daerahnya sahaja.Di bawahnya lagi terdapat Balai Hukum Mukim untuk peringkat daerah di bawah *Qadhi Uleebalang* dan pengadilan gampong untuk peringkat kampung atau desa yang dipimpin oleh *geusyik* (ketua kampung).<sup>18</sup>

---

<sup>13</sup> Drs.Husaini Husda, M.Pd (2007), op.cit. h. 29.

<sup>14</sup> Ajidar Matsyah (2004) “Sejarah Kerajaan Islam di Aceh: Kajian faktor perkembangan dan kemerosotan” (Disertasi Master, Kuala Lumpur: Universiti Malaya), h. 93.

<sup>15</sup> Sama seperti Mahkamah Agung pada masa sekarang ini.

<sup>16</sup> M. Fajrul Falaakh et al. (2004) *Membangun Kehakiman Syariah Di Nanggroe Aceh Darussalam*. Jakarta : Komisi Hukum Nasional Republik Indonesia. h. 10.

<sup>17</sup> *Uleebalang* adalah gelaran untuk raja-raja pada masa dahulu yang memimpin daerah-daerah kecil.

<sup>18</sup> Drs. Cik Hasan Bisri (2003) *Kehakiman Agama di Indonesia*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h.115.

Keputusan mahkamah pada peringkat daerah ini boleh dibuat rayuan kepada mahkamah peringkat pusat iaitu *Qadhi Malikul ‘Adli*. *Qadhi Malikul ‘Adli* mempunyai bidangkuasa untuk mengetepikan keputusan *Qadhi Uleebalang*. Dan ini adalah badan tertinggi yang ada pada Mahkamah Syariah ketika itu. Untuk mendapatkan gambaran lebih jelas, sila rujuk carta berikut ini:

Carta 2.1 : Struktur Mahkamah Syariah Zaman Kerajaan Aceh.



Sumber: Susunan oleh pengkaji.

Pada ketika itu, hakim dilantik dari golongan ulama - ulama besar yang telah diberi pengiktirafan oleh masyarakat dan kerajaan. Kes-kes rayuan tidak banyak berlaku. *Qadhi Malikul ‘Adli* lebih banyak mengeluarkan fatwa-fatwa dan mempunyai bidangkuasa untuk memberikan nasihat kepada kerajaan.

Bidang kuasa lain yang terdapat pada *Qadhi Malikul ‘Adli* adalah mentadbir daerah yang berada langsung di bawah kekuasaan raja, iaitu dua belas buah kampung yang berada di tepi kanan Sungai Aceh<sup>19</sup>. Sedangkan *Qadhi Uleebalang*, selain mempunyai bidangkuasa mahkamah, ia juga mempunyai bidangkuasa untuk memberi nasihat kepada *Uleebalang* yang berada pada peringkat daerah.

<sup>19</sup> Sungai yang terdapat di Banda Aceh.

## **2.2.2. Zaman Penjajahan Belanda.**

Pada mulanya pemerintah Belanda telah memberi perhatian serius terhadap undang-undang Islam kerana mereka berfikir undang-undang yang diamalkan di Indonesia adalah undang-undang Islam. Sebagaimana yang terdapat dalam *Staatsblad*<sup>20</sup> 1869 No.47 dan 1871 No. 129 yang memperuntukkan bahawa ketua-ketua *Landraad*<sup>21</sup> mesti seseorang yang memahami perundangan. Mereka harus belajar tentang kebiasaan masyarakat, adat yang berkembang dan juga hukum-hukum Islam. Sebab itulah pada abad ke lapan belas Belanda tidak mengganggu undang-undang Islam yang berkembang bahkan pemimpin-pemimpin mereka mesti belajar perundangan Islam.<sup>22</sup>

Perubahan perundangan di Indonesia bermula pada 1 Mei 1848, di mana Belanda telah memperbaharui sistem perundangan adat yang telah diamalkan di Indonesia beserta adat dan undang-undang dari Eropah. Perkara ini berlaku kepada semua perkara yang diselesaikan di dalam mahkamah. Penjajah Belanda telah berusaha memperkecilkan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang sedia ada dan mengantikannya dengan sistem mahkamah yang mereka gubal seperti persoalan tanah serta warisan yang menjadi bidang kuasa Mahkamah Adat Belanda.<sup>23</sup>

---

<sup>20</sup> *Staatsblad* ialah istilah bagi undang-undang yang dinamakan oleh penjajah Belanda selama menjajah Indonesia pada masa dahulu, dan sekarang dikenal dengan nama Lembaran Negara Republik Indonesia(LNRI).

<sup>21</sup> *Landraad* ialah nama bagi Mahkamah Sivil pada zaman penjajahan Belanda.

<sup>22</sup> Drs. Cik Hasan Bisri (2003), op.cit., h. 10.

<sup>23</sup> International Crisis Group (2006), “*Syariat Islam dan Kehakiman Pidana di Aceh*”, *Asia Report*, Edisi 31 Julai, h.3.

Pada masa penjajahan Belanda, mereka menamakan Indonesia dengan nama *Nederlandsche Indie* (Hindia Belanda). Dari satu aspek, Belanda membahagikan wilayah Indonesia kepada dua bahagian yang mempunyai impak terhadap pentadbiran undang-undang, iaitu :

1. Jawa – Madura.
2. Luar Jawa – Madura.

Sistem mahkamah di Jawa – Madura termaktub di dalam *Reglement op de Rechterlijke Organisatie en het Beleid der Justitie in Nederlands-Indie (RO)*<sup>24</sup> dari tahun 1846 *Staatsblad* 1847 No.23. Sistem tersebut mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 1948. Manakala, sistem mahkamah luar Jawa-Madura termaktub dalam *Rechtsreglement Buitengewesten*<sup>25</sup> (*Staatsblad* 1927 No. 227 jo 1927 No. 576, 1929 No. 438 dan 1930 No. 19)

Bagi Aceh secara khusus, juga diperkenalkan *Ordonansi*<sup>26</sup> 17 Juni 1916 Stbl. 1916 No. 432 jo.435 yang beberapa kali dipinda dan terakhir dengan *Ordonansi* tahun 1930 Stbl. No. 58.

Fasal 2, 4 dan 6 *Ordonansi* ini menerangkan kesalahan yang terdapat dalam perenggan pertama penjelasan Peraturan Pemerintah (PP)<sup>27</sup> No. 29/1957 yang

<sup>24</sup> Undang-undang muamalat yang diperkenalkan oleh penjajah Belanda dan ia juga menjadi salah satu Sumber Hukum Acara Muamalat dalam amalan kehakiman di Indonesia.

<sup>25</sup> Undang-undang muamalat untuk untuk daerah luar Jawa dan Madura yang diperkenalkan oleh penjajah Belanda.

<sup>26</sup> *Ordonansi* bermaksud peraturan-peraturan.

<sup>27</sup> Ia merupakan peraturan yang dibuat oleh pemerintah Indonesia.

menerangkan bahawa di tiap-tiap wilayah *Ulee Balang* terdapat sebuah mahkamah yang dipimpin oleh seorang *Controleur*<sup>28</sup>, *Uleebalang* dan juga penjawat-penjawat lainnya terpilih menjadi anggota. Yang sebenarnya menurut *Ordonansi* ini, di setiap wilayah *Uleebalang* terdapat satu mahkamah yang dipimpin oleh *Uleebalang* wilayah tersebut, sedangkan yang dipimpin oleh *Controleur* dan *Uleebalang* serta penjawat-penjawat terpilih sebagai anggotanya adalah mahkamah yang dikenali *Musapat* yang terdapat pada tiap *onderafdeeling*.<sup>29</sup>

Salah satu *Musapat* yang ada ketika itu adalah *Musapat Onderafdeeling* Bireun.<sup>30</sup> Yang menjadi ketua adalah *Comptroleur* Bireun iaitu orang Belanda, anggota-anggotanya adalah *Zelfbestuurder van Peusangan*<sup>31</sup>, *Zelfbestuurder van Samalanga*<sup>32</sup> dan *Zelfbestuurder van Glumpang Dua* (sekarang bernama *Gandapura*<sup>33</sup>).

*Onderafdeeling* Bireuen ketika itu terdiri daripada tiga *landschap*<sup>34</sup>, iaitu Samalanga, Peusangan dan Glumpang Dua. Di setiap *landschap* ini terdapat sebuah mahkamah yang dipimpin oleh *Uleebalang* (*Zelfbestuurder*) yang bidang kuasanya diperuntukkan dalam Fasal 3 *Ordonansi* tersebut, iaitu mengenai kesalahan

---

<sup>28</sup> Nama jawatan dalam bahasa Belanda.

<sup>29</sup> International Crisis Group (2006),op.cit., h. 12.

<sup>30</sup> Bireun adalah salah satu daerah di Aceh yang terletak diantara Aceh Utara dan Aceh Pidie.

<sup>31</sup> Peusangan ialah nama daerah kecil yang terdapat dalam daerah Bireun.

<sup>32</sup> Samalanga ialah nama daerah kecil yang terdapat dalam daerah Bireun.

<sup>33</sup> Gandapura ialah nama daerah kecil yang terdapat dalam daerah Bireun.

<sup>34</sup> Daerah.

muamalat yang hukumannya tidak melebihi F. 100<sup>35</sup>, dan dalam kesalahan jenayah yang boleh disabitkan dengan satu tahun penjara dan denda tidak melebihi F. 100.

Mahkamah Syariah ketika itu merupakan sebahagian daripada Mahkamah Adat. Apabila perkara yang dibangkitkan berhubungan dengan hukum Islam, maka ianya diputuskan oleh *Qadhi Uleebalang*, sedangkan perkara lainnya diputuskan oleh *Uleebalang* yang didampingi oleh *Qadhi Uleebalang*.

### **2.2.3. Zaman Penjajahan Jepun**

Kedatangan penjajah Jepun di Aceh pada 12hb Mac 1942<sup>36</sup> memberi kesan terhadap sistem dan pentadbiran mahkamah, di mana Jepun telah merubah sebahagian besar bidang kuasa mahkamah dan juga menokok tambah undang-undang baharu yang sesuai dengan keinginan dan kepentingan mereka.

Struktur pemerintahan dan bidang kuasanya yang telah terbentuk pada masa penjajahan Belanda tidak dihapuskan oleh penjajah Jepun, bahkan undang-undangnya diperakui selama mana tidak bertentangan dengan pemerintah ketenteraan Jepun.

Golongan ulama yang bernaung di bawah organisasi Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA) berusaha meningkatkan peranan dan bidangkuasa Mahkamah

---

<sup>35</sup> Mata wang Belanda.

<sup>36</sup> Drs. H. A. Basiq Djalil (2006), *Kehakiman Agama di Indonesia: Gemuruhnya Politik Hukum (HK. Barat, dan Hk. Adat) Dalam Rentang Sejarah Bersama Pasang Surut Badan Kehakiman Agama Hingga Lahirnya Kehakiman Syariat Islam*. Jakarta: Kencana, h. 60.

Syariah. Perkara ini telah mendapat persetujuan dari pihak Jepun. Ini kerana golongan ulama ketika itu juga mempunyai peranan penting dalam mengusir tentera Belanda dari Aceh.

Atas permintaan ulama Aceh, Jepun mewartakan dua undang-undang yang diberi nama Aceh *Syu Rei* ( Undang-undang Daerah Aceh), iaitu :

- A. Aceh *Syu Rei* No.10 tarikh *Syowa 19 Iti Gatu 1* (1Januari 1944) mengenai *Tihoo Hooin* (Mahkamah Sivil)
- B. Aceh *Syu Rei* No.12 tarikh *Sowa 19 Ni Gatu 15* (15 Februari 1944), mengenai *Syukyo Hooin* (Mahkamah Syariah).

Fasal 1 Aceh *Syu Rei* No.10 memperuntukkan bahawa Aceh *Hooin* (Mahkamah Sivil) terdiri daripada *Ku-Hooin* (Mahkamah rendah) dan *Tihoo-Hooin* (Mahkamah Tinggi).

Untuk gambaran lebih jelas, sila rujuk struktur *Tihoo Hooin* (Mahkamah Sivil) berikut ini:

Carta 2.2 : Struktur Mahkamah Sivil masa penjajah Jepun.



Sumber: Susunan oleh pengkaji

Mengenai *Ku-Hooin* yang termaktub di dalam Fasal 2 sehingga Fasal 5 *Atjeh Syu Rei* No.10 tersebut, iaitu di tiap-tiap *Gun* (*Kewedanaan*<sup>37</sup>) dan *Son* (Kecamatan)<sup>38</sup> diwujudkan *Ku-Hooin*. Keputusan *Son Ku-Hooin* boleh dirayu ke *Tihoo Hooin*, sedangkan keputusan *Gun Ku Hoo* tidak boleh dirayu lagi kerana hakimnya juga adalah hakim *Tihoo Hooin*.

Bidangkuasa *Son Hooin* dan *Gun Ku Hooin* adalah sama, iaitu mengenai peruntukan *Minzi* (muamalat), hukuman bagi kesalahannya tidak melebihi F. 200 (dua ratus gulden). Sementara bagi peruntukan *Keizi* (jenayah) bidang kuasanya hanya bagi kesalahan-kesalahan yang hukumannya di bawah tiga bulan penjara atau denda maksima F.100 (seratus gulden). Ditambah dengan perkara-perkara lain yang akan dicatat di dalam undang-undang.

Perbezaan lainnya, *Son Ku-Hooin* hanya mengadili orang-orang Bumiputera sebagaimana yang dimaksudkan dalam Fasal 1 (2) *Ordonansi* tahun 1916 *Staadblad*. 1916 No.432 jo 435, iaitu semua orang Aceh yang tinggal dalam daerah yang berdekatan, dan juga Bumiputera lain yang sudah bergaul bersama rakyat bumiputera asli, hubungan yang terhasil berdasarkan perkahwinan atau pengangkatan anak (*adoptie*) telah menjadi hubungan kekeluargaan bersama rakyat Bumiputera asli.

---

<sup>37</sup> Sekarang dinamakan *Kabupaten* iaitu salah satu satu daerah dalam sebuah provinsi.

<sup>38</sup> *Kecamatan* adalah nama struktur pemerintahan di bawah *Kabupaten*.

*Gun Ku-Hooin* pula mengadili orang-orang yang tidak termasuk dalam bidangkuasa *Son Ku-Hooin* mengenai perkara yang sama. Sebab itu *Son Ku-Hooin* berada di daerah-daerah bekas *Landschap*<sup>39</sup> sebagai pengganti Mahkamah Adat yang dipimpin oleh setiap *Zelfbestuurder* iaitu ketua *Landschap* yang berkaitan, yang memberi maksud bahawasanya bidang kuasa pemerintahan dan bidang kuasa Kehakiman berada di dalam satu tangan.

Dengan perwartaan *Atjeh Syu Rei* No. 10 tersebut, kedua-dua mahkamah itu sudah terpisah. *Son Ku-Hooin* terdiri daripada tiga orang *Sinpan-in* (anggota) tokoh masyarakat dan salah seorang di antara mereka dilantik menjadi *Saibun Tyokan*<sup>40</sup> (ketua mahkamah). Sementara *Sontyo* selaku Ketua *Son* (dahulu *Zelfhestuurder* selaku ketua *Lanschap*), hanya menjadi pengawas supaya kes-kes perbicaraan tidak lewat diputuskan dan pentadbiran mahkamah dapat berjalan dengan baik (Fasal 4).

Sesuai dengan perjanjian dalam Fasal 1 *Atjeh Syu Rei* No.10 tahun 1944, maka pada 15 Februari 1944 dikeluarkan *Atjeh Syu Rei* No.12 tahun 1944 tentang struktur *Syukyu Hooin* yang melantik seorang ketua *Qadhi Bunsyu* dan beberapa orang anggota majlis di tiap-tiap *Bunsyu* (sekarang dikenali sebagai Kabupaten), dan seorang ketua *Qadhi Son* di tiap-tiap *Son* (sekarang dikenali sebagai Kecamatan).

Untuk lebih jelas, sila rujuk struktur *Syukyo Hoiin* (Mahkamah Syariah) berikut ini:

---

<sup>39</sup> *Landschap* adalah nama untuk daerah yang lebih kecil daripada *Kabupaten* yang dinamakan oleh Belanda, sekarang dinamakan *Kecamatan*.

<sup>40</sup> *Tyokan* ialah bahasa Jepun yang bermaksud ketua.

Carta 2.3 : Struktur Mahkamah Syariah masa penjajah Jepun.



Sumber: Susunan oleh pengkaji

*Atjeh Syu Tyokan* memberhentikan *Zyoonin Iin* dan *Iin* serta arahan dan nasihat dari *Tiho-Hoointyo* Kutaraja<sup>41</sup> (ketua Mahkamah Tinggi Kutaraja) yang terdiri daripada ulama-ulama yang cerdik pandai, jujur dan berpengaruh di dalam *Atjeh Syu*.

### 2.3. Zaman Setelah Kemerdekaan Republik Indonesia

Indonesia mengumumkan kemerdekaan daripada penjajahan Jepun pada 17hb Ogos 1945. Kemerdekaan ini merupakan rahmat Allah S.W.T. yang sangat besar, sehingga Indonesia boleh mentadbir negaranya sesuai dengan keinginan rakyat.

<sup>41</sup> Kutaraja ialah nama ibukota Aceh sebelum diganti kepada nama Banda Aceh.

Kemerdekaan juga memberi kesan kepada perubahan sistem pentadbiran mahkamah. Namun Indonesia tidak mengubah kesemua sistem dan undang-undang yang telah dipinda oleh penjajah sebelumnya kerana untuk menggubal undang-undang dan sistem pentadbirannya memerlukan waktu yang panjang dan kos yang besar.

Dalam perbahasan ini, pengkaji membahagikan sistem pentadbiran dan keadaan mahkamah setelah kemerdekaan kepada beberapa bahagian.

### **2.3.1. Sebelum Penggubalan Undang-Undang No.7 Tahun 1989 Tentang Peradilan Agama.**

Sebelum memperolehi kemerdekaan, Indonesia telah mengalami beberapa kali perubahan dan pergantian sistem pentadbiran mahkamah sehingga lahirnya undang-undang nomor 7 tahun 1989 khusus untuk Aceh. Perubahan terjadi kembali dengan memberikan Aceh bidang kuasa Autonomi khusus tahun 2001.

Indonesia memproklamirkan kemerdekaannya pada 17 Ogos 1945. Pada tarikh 18 Ogos 1945 diluluskan undang-undang yang sangat penting bagi membawa perubahan kehidupan negara Indonesia pasca penjajahan.Undang-undang tersebut dinamakan Undang-Undang Dasar 1945 ( UUD 1945).

Namun, UUD 1945 tidak dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang hanya diamalkan sehingga 27hb Disember 1947. Kemudian, Indonesia

menggunakan undang-undang sementara yang dinamakan Undang-undang Dasar sementara 1950 ( UUDS 1950).<sup>42</sup>

Undang-undang tersebut juga tidak dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang. Pada tahun 1959 Indonesia menggantikan semula undang-undangnya dengan undang-undang baru iaitu Konstitusi Republik Indonesia Serikat 1959 yang dikenali dengan istilah KRIS 1959. Setelah itu, pemerintah Indonesia kembali memutuskan untuk menguatkuasakan semula UUD 1945 dan iaanya berkuatkuasa sehingga ke hari ini.

### **2.3.2. Sejak Kemerdekaan Dari 17 Ogos 1945- 27 Disember 1949.**

Meskipun Indonesia telah merdeka dan mempunyai undang-undang sendiri, namun ia belum dapat melepaskan sepenuhnya daripada pengaruh dan kesan zaman penjajahan. Ini kerana penjajahan di Indonesia telah berlangsung dalam masa yang lama, bermula daripada zaman penjajahan Portugis sehingga yang terakhir, Jepun. Belanda menjajah wilayah Indonesia selama 350 tahun dan Jepun lebih kurang 3 tahun setengah.

Salah satu kesan yang ditinggalkan oleh penjajah kepada bangsa Indonesia adalah pertembungan sistem pentadbiran mahkamah, khususnya di Aceh. Dahulu Aceh mempunyai sistem Mahkamah Syariah namun dengan kedatangan penjajah

---

<sup>42</sup> Drs. H. A. Basiq Djalil (2006), op.cit., h. 69.

Mahkamah Syariah yang menjadi institusi kehakiman rasmi bagi masyarakat Aceh berubah menjadi Mahkamah Sivil.

Disebutkan dalam Fasal II aturan peralihan UUD 1945, bahawa semua badan negara dan peraturan yang sedia ada masih berterusan. Maka sebelum digubal undang-undang yang baru hendaklah menurut UUD 1945 ini. Selepas kemerdekaan, struktur dan sistem mahkamah yang wujud sebelum kemerdekaan tetap berterusan.

Khusus mengenai Mahkamah Syariah, apabila merujuk kepada Fasal II Aturan Peralihan UUD 1945, maka di dalam lingkungan Mahkamah Syariah sebagaimana zaman penjajahan Belanda, bermula pada Fasal 134 (2) IS dan Pasal 3 RO, dilanjutkan pada zaman penjajahan Jepun, sedangkan peraturannya sebagaimana yang telah tercantum di dalam Staatsblad 1882 No. 152 yang telah dipinda dan ditambah bersama *Ordonansi* yang dimasukkan dalam Staatsblad 1937 No. 116 dan No. 610. Perubahan terakhir dengan Staatsblad 1940 No. 3 untuk daerah Jawa dan Madura, dan Staatsblad 1937 No. 638 dan Staatsblad 1937 No. 639 untuk sebahagian daerah Kalimantan Selatan dan Timur.

Pada masa ini pula, Belanda kembali menduduki Indonesia, namun undang-undang Islam masih dapat dikuatkuasakan kerana wujudnya peraturan tentang Pengadilan Agama iaitu dalam *Verordening* bertarikh 8 November 1946 dari *Chief Commodity Officer* (CCO), *Allied Military Administration Civil Affairs Branch* (AMACAB) untuk kepulauan Jawa dan Madura. *Verordening* tersebut adalah mengenai lahirnya pengadilan penghulu (*penghulu gerecht*) yang terdiri daripada seorang pakar perundangan Islam sebagai ketua serta dua orang anggota dan seorang

jurutaip. Bidang kuasanya adalah sama dengan Staatsblad 1882 No. 152 yang dipinda bersama Staatsblad 1937 No. 116.

Pengadilan Tinggi Agama atau Mahkamah Tinggi Islam untuk daerah Jawa dan Madura tertakluk kepada Staatsblad 1937 No. 610 dan Staatsblad 1937 No. 638. Sebahagian daerah Kalimantan Selatan dan Timur belum mendengar kes-kes *banding* (rayuan kali pertama). Manakala bagi kes *kasasi* (rayuan peringkat kedua dan terakhir) dari Pengadilan Agama dirujuk kepada Mahkamah Agung yang tertakluk kepada Staatsblad 1945 No. 121 (*Hoge Raad Voor Islamietische Zaken*) yang hanya memberi fatwa atau nasihat sahaja.

Aceh yang dikenali sebagai daerah yang sangat mementingkan syariat dan undang-undang Islam telah menzahirkan sesuatu yang berbeza dari daerah lain di Indonesia, di mana Aceh ingin memperkuatkan lagi kewujudan Mahkamah Syariah. Perkara ini telah dipersetujui oleh gabenor Sumatera ketika itu dengan mengeluarkan surat nombor 1189 pada tarikh 13 Januari 1947. Surat tersebut memberi kuasa penuh kepada Aceh untuk membentuk Mahkamah Syariah yang bebas berwibawa dan tidak terikat dengan Mahkamah Sivil. Begitu juga bidangkuasa, ianya lebih luas berbanding daerah lain di pulau Jawa dan luar pulau Jawa.

Bidangkuasa Mahkamah Syariah Aceh ketika itu meliputi :


- a. Bidang kekeluargaan yang meliputi nafkah, harta sepencarian, hak pemeliharaan anak (*hadhanah*), perceraian, dan pengesahan perkahwinan;
- b. Harta pusaka atau pewarisan (*mawarith*)

Ketika itu struktur Mahkamah Syariah Aceh terdiri daripada tiga peringkat, iaitu:

- a. Mahkamah Syariah kenegerian (peringkat kecamatan). Ianya berjumlah 106 buah mahkamah di seluruh wilayah Aceh;
- b. Mahkamah Syariah peringkat kewedanan/kabupaten. Ianya berjumlah 20 buah mahkamah di seluruh wilayah Aceh;
- c. Mahkamah Syariah daerah Aceh. Ia berkedudukan di ibu kota Aceh iaitu Kutaraja (sekarang bernama Banda Aceh). Mahkamah ini merupakan mahkamah peringkat akhir bagi Mahkamah Syariah yang ada di seluruh wilayah Aceh.

Struktur Mahkamah Syariah di Aceh pada masa awal kemerdekaan adalah seperti berikut ini.

Carta 2.4: Struktur Mahkamah Syariah pada masa awal kemerdekaan Indonesia.



Sumber: Susunan oleh pengkaji.

### **2.3.3. Masa Republik Indonesia Serikat (RIS), 27 Disember 1949-17 Ogos 1950.**

Sistem pemerintahan Indonesia kembali berubah pada masa ini, di mana sebelumnya ia berbentuk republik yang berpusat di Jakarta, telah menjadi negara republik yang berkonsept serikat (federal). Biasanya, pergantian sistem pemerintahan juga memberi kesan pada perubahan sistem dan struktur mahkamah.

Pada masa ini, pengadilan yang diperakui oleh pemerintahan yang berkonsep serikat ini adalah pengadilan *swapraja*, pengadilan adat dan Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah pada masa ini merupakan kelanjutan daripada Mahkamah Syariah sebelumnya pada zaman penjajahan Belanda iaitu berdasarkan pada undang-undang 1882 No.152.

Bagi Aceh, tempoh ini dikatakan tempoh suram bagi Mahkamah Syariah. Ketika ini, Aceh yang dahulunya berbentuk satu provinsi sendiri dibubarkan dan dimasukkan ke dalam provinsi Sumatera Utara. Keadaan ini sangat mempengaruhi badan kehakiman, khususnya Mahkamah Syariah. Status Mahkamah Syariah semakin tidak jelas dan pentadbirannya pun semakin tidak baik.

Pada tahun 1951, pemerintah mewartakan Undang-undang Darurat No. 1. Ternyata undang-undang ini menggugat kewibawaan dan status Mahkamah Syariah di semua negeri serikat di Indonesia, tidak terkecuali Aceh. Secara langsung undang-undang ini tidak membubarkan Mahkamah Syariah, namun realitinya pemerintah hanya memperkuat kedudukan Mahkamah Sivil, dan banyak mengambil sistem mahkamah peninggalan penjajahan Belanda.

Struktur Mahkamah Syariah di Aceh ketika itu tidak berubah, sama seperti masa 17 Ogos 1945 sehingga 27 Disember 1949 walaupun pemerintahnya tidak lagi memberi perhatian serius terhadap kewujudan mahkamah ini.

#### **2.3.4. Masa Republik Indonesia Sebagai Negara Kesatuan (17 Ogos 1950 Sampai 5 Julai 1959).**

Pada zaman ini, Mahkamah Syariah di Aceh kembali mendapatkan statusnya dan menjadi lebih baik daripada zaman Indonesia yang berbentuk serikat, khususnya setelah dibentuk semula provinsi Aceh pada tahun 1956.

Pengadilan Indonesia pada masa ini masih dipengaruhi oleh Undang-Undang Darurat No.1 tahun 1951, Lembaran Negara No. 9 yang mengandungi :

1. Menghapuskan Kehakiman *Swapraja* dan Kehakiman adat ;
2. Menghapuskan beberapa Kehakiman yang tidak sesuai dengan negara kesatuan;
3. Melanjutkan Kehakiman agama dan Kehakiman desa;
4. Pembentukan pengadilan negeri dan kejaksaan pada tempat dihapusnya

*Land Gerecht.*

Untuk memperluas bidangkuasa dan sistem pentadbiran yang lebih baik, masyarakat Aceh menuntut pemerintah supaya memberikan status yang lebih jelas dan diperakui secara rasmi di dalam Undang-undang Darurat No. 1, 1951.

Perjuangan ke arah tersebut akhirnya memperolehi hasil dengan diluluskan Peraturan Pemerintah (PP) No. 29 tahun 1957 (Ogos 1957) tentang pembentukan Pengadilan Agama seluruh wilayah Aceh, termasuk juga struktur dan bidangkuasanya. Namun demikian, masih terdapat kekurangan dalam peraturan tersebut, iaitu seperti berikut :

1. Peraturan ini memperuntukkan bahawa beberapa bidangkuasa Mahkamah Syariah, seperti undang-undang kekeluargaan dan harta pusaka menjadi bidangkuasa Mahkamah Syariah apabila “menurut hukum yang hidup” kes tersebut diselesaikan dengan undang-undang Islam dan masyarakat tempatan telah menerima hukum Islam. Tafsiran “menurut hukum yang hidup” tidak jelas dan cenderung kepada setiap pihak yang mentafsirkannya bersesuaian dengan keinginannya. Tidak ada pihak yang memberi pengertian secara pasti.
2. Keputusan Mahkamah Syariah baru boleh dikuatkuasakan setelah mendapat pengesahan daripada Mahkamah Sivil dan dilaksanakan oleh Pengadilan Sivil juga. Ini sangat mengelirukan kerana Mahkamah Sivil masih lagi boleh mengkaji semula dan memutuskan semula apa jua keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

Namun, perubahan kembali wujud setelah adanya kesepakatan antara Mahkamah Tinggi Sivil dengan Mahkamah Syariah Aceh pada 7 Disember 1971. Dalam kesepakatan ini dipersetujui bersama bahawa semua bidangkuasa Mahkamah Syariah iaitu kekeluargaan dan harta pusaka hanya menjadi bidangkuasa Mahkamah Syariah, namun pelaksanaannya masih tetap menjadi bidangkuasa Mahkamah Sivil.

Mahkamah Syariah Jawa - Madura ketika itu masih tertakluk kepada Staadbled 1882 nomor. 152 yang telah dipinda dan ditambah dengan Staadbled 1937 nomor.116 dan 610 serta yang terakhir dengan Staadbled 1940 No. 3. Mahkamah Syariah kini telah diubah dan hanya mempunyai bidangkuasa untuk memeriksa dan memutuskan perkara-perkara nikah, talak dan rujuk dan yang berkaitan dengannya.

### **2.3.5. Masa Setelah 5 Julai 1959 Sehingga Tahun 1989.**

Sistem pentadbiran mahkamah pada masa ini semakin meluas, terutama sekali dengan pengubalan Undang-Undang No. 19 tahun 1964 tentang ketentuan-ketentuan asas berkaitan kuasa mahkamah dan Undang-Undang No. 13 tahun 1965 tentang mahkamah dalam ruang lingkup Peradilan Umum. Undang-Undang No. 19 tahun 1964 memperakui adanya empat mahkamah di Indonesia, iaitu Pengadilan Umum (Sivil), Pengadilan Agama (Syariah), Pengadilan Militar (tentera), Pengadilan Tata Usaha Negara.

Mahkamah Syariah ketika itu hanya mempunyai bidangkuasa untuk menyelesaikan kes-kes muamalat yang berlaku pada orang yang beragama Islam sahaja. Namun hakim-hakim bagi Mahkamah Syariah tidak lagi terhad kepada orang Islam sahaja malah orang bukan Islam juga dibolehkan untuk menjadi hakim tetapi dengan syarat mereka perlu patuh kepada undang-undang agama Islam.

Ketidaksamaan dan sistem yang sering berubah di dalam melaksanakan pentadbiran Mahkamah Syariah yang tidak berjalan dengan baik, bahkan sistem

politik dan campurtangan pemerintah turut mempengaruhi proses pentadbiran mahkamah.

Pada tahun 1970, pemerintah mengeluarkan Undang-undang No. 14 tahun 1970 tentang ketentuan-ketentuan bidang kuasa kehakiman. Dalam Fasal 10 Undang-undang ini menyebutkan bahawa kedudukan Mahkamah Syariah telah setaraf dengan mahkamah lain yang ada di Indonesia, iaitu Pengadilan Sivil, Pengadilan Militer dan Pengadilan Tata Usaha Negara. Setiap empat mahkamah tersebut mempunyai struktur yang sama iaitu adanya pengadilan peringkat pertama dan peringkat rayuan. Cuma bidang kuasa Mahkamah Syariah masih tetap terhad kepada beberapa perkara sahaja dan hanya berlaku kepada orang Islam sahaja.

### **2.3.6. Masa Undang-Undang No. 7 Tahun 1989 Tentang Kehakiman Agama.**

Walaupun masih belum sempurna dan tidak mempunyai bidangkuasa yang luas, namun boleh dikatakan pada masa ini Mahkamah Syariah di Indonesia , termasuk Aceh mula mendapat kedudukan yang agak baik dari sebelumnya. Ini kerana pada tahun ini pemerintah sekali lagi kembali mengeluarkan peraturan yang berkaitan dengan mahkamah iaitu Undang-undang No. 7 tahun 1989 tentang Pengadilan Agama (UUPA) sebagai tindakan dari Undang-undang No. 14 tahun 1970. Kebaikan daripada undang-undang ini adalah keputusan-keputusan Mahkamah Syariah tidak perlu lagi disemak dan diputuskan kembali oleh Mahkamah Sivil. Mahkamah Syariah juga dapat menguatkuasakan sendiri apa juar keputusan

yang telah diputuskan. Bahkan Mahkamah Syariah telah memiliki jurusitanya sendiri.

Setelah penguatkuasaan undang-undang tersebut maka dengan sendirinya peraturan-peraturan lama tentang Mahkamah Syariah dimansuhkan, iaitu:

1. Stbl. 1882 No. 152 Jo. Stbl. 1937 No. 116 dan 610;
2. Stbl. 1937 No. 638 dan 639;
3. Peraturan Pemerintah (PP) No. 45 tahun 1957.

Majlis Hakim (ketua dan anggota) sebelum lahirnya undang-undang ini, mereka belum lagi mempunyai bidangkuasa yang sama. Anggota hakim tidak mempunyai bidangkuasa bagi menentukan jenis undang-undang dan keputusan, mereka hanya sebagai pelengkap sahaja. Yang mempunyai bidangkuasa menentukan jenis undang-undang yang digunakan dan memutuskan kes yang dikendalikan hanyalah ketua hakim sahaja.

Namun setelah penguatkuasaan undang-undang nomor tujuh (7) tahun 1989 tentang kehakiman agama, Majlis Hakim yang terdiri daripada ketua dan anggota mempunyai bidangkuasa yang sama untuk menyelesaikan kes yang dihadapkan kepada mereka, bermula dari pemeriksaan sehingga pengambilan keputusan. Majlis Hakim akan mengadakan mesyuarat bersama sebelum menentukan keputusan yang dibuat. Di sini dapat dilihat wujudnya usahasama bagi menyamakan kedudukan hakim dalam mahkamah antara ketua dan anggota.

Selain itu, apabila ada keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah dan keputusan tersebut tidak dikuatkuasakan oleh pihak tertentu, maka pihak Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa untuk menguatkuasakan keputusan tersebut tanpa perlu meminta persetujuan dan bantuan daripada Mahkamah Sivil.


Namun dari segi Hukum Acara (prosedur), Mahkamah Syariah masih menggunakan Hukum Acara Mahkamah Sivil kecuali pada kes *li'an* sahaja, seperti cara angkat sumpah oleh saksi sebelum memberi keterangan, penerimaan bukti-bukti, cara penyampaian saman (sapina) kepada pihak-pihak yang diperlukan, prosedur membuat aduan dan sebagainya. Ini sedikit sebanyak menimbulkan kekeliruan kepada hakim Mahkamah Syariah kerana dari satu aspek mereka menyelesaikan kes berdasarkan hukum syarak dan di sisi lain mereka menggunakan hukum civil yang tidak berdasarkan hukum syarak.

Struktur Mahkamah Syariah di seluruh Indonesia ketika itu adalah sama, termasuk di Aceh, iaitu :

- A. Pengadilan Agama (Peringkat *Kabupaten*);
- B. Pengadilan Tinggi Agama (Peringkat *provinsi*)

Struktur Kehakiman Agama adalah seperti di berikut ini:

Carta 2.5: Struktur Mahkamah Syariah tahun 1989.



Sumber: susunan oleh pengkaji

Walaupun Pengadilan Tinggi Agama sebagai pengadilan paling tinggi dalam sistem Pengadilan Agama, namun kes-kes yang diputuskan oleh Pengadilan Tinggi Agama boleh dibuat rayuan kepada Mahkamah Agung di Jakarta. Walhal Mahkamah Agung itu sendiri bukan sebahagian daripada mahkamah berasaskan syariat Islam. Sehingga saat ini Pengadilan Agama tidak memiliki Mahkamah Rayuan yang khusus.

Aceh sebagai daerah yang menginginkan perlaksanaan syariat Islam secara keseluruhan, telah mendapat keistimewaan berbanding daerah-daerah lain di Indonesia. Pada 4 Oktober tahun 1999 pemerintah Indonesia mewartakan satu lagi undang-undang, iaitu Undang-undang No.4 tahun 1999 tentang pelaksanaan keistimewaan Aceh yang meliputi agama, adat, pendidikan dan peranan ulama. Sejak itu, Aceh mula mengeluarkan Peraturan-Peraturan Daerah (PERDA) untuk menyempurnakan dan melaksanakan syariat Islam secara *kaffah*.

Atas permintaan masyarakat Aceh, pada tahun 2001 Aceh kembali mendapatkan keistimewaan dengan diberikan status kuasa Autonomi khusus. Ini dibuktikan dengan pewartaan Undang-Undang No.18 tahun 2001 tentang kuasa autonomi khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh (DISTA) sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Sejak itulah nama bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh menjadi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD), dan sekarang berubah nama lagi menjadi Provinsi Aceh. Lahirnya Undang-undang ini merupakan lanjutan untuk menyempurnakan Undang-undang No. 4 tahun 1999.

Undang-undang kuasa autonomi khusus ini sangat penting bagi kehidupan masyarakat Aceh dan juga memberi nafas baru kepada perkembangan Mahkamah Syariah. Undang-undang ini memberikan keizinan kepada Aceh untuk mewujudkan pengadilan yang berlandaskan Islam.

Dengan demikian, semua sistem pentadbiran Mahkamah Syariah, termasuk Hukum Acara (prosedur) tidak lagi menggunakan Hukum Acara Mahkamah Sivil, bahkan bidang kuasanya pun sangat luas, berbeza dengan daerah lain di Indonesia.

Mahkamah Syariah NAD dirasmikan pada 1 Muharram 1424 H yang bertepatan dengan 4 Mac 2003. Ini berdasarkan KEPPRES No. 11 tahun 2003. Di antara kandungan KEPPRES tersebut adalah penggantian nama mahkamah, iaitu Pengadilan Agama menjadi Mahkamah Syariah<sup>43</sup> dan Pengadilan Tinggi Agama menjadi Mahkamah Syariah Provinsi.<sup>44</sup>

---

<sup>43</sup> Yang terdapat pada peringkat *Kabupaten* (Daerah)

<sup>44</sup> Yang terdapat pada peringkat Provinsi di Banda Aceh.

Struktur Mahkamah Syariah di Aceh pasca kuasa autonomi khusus adalah sebagai berikut :

- A. Mahkamah Syariah (peringkat Kabupaten);
- B. Mahkamah Syariah Aceh (peringkat Provinsi);
- C. Mahkamah Agung (Mahkamah Rayuan);

Mengenai tempat rayuan yang akhir (*kasasi*), ia masih sama seperti sebelum memperolehi kuasa autonomi khusus iaitu masih tetap di Mahkamah Agung. Ini kerana Mahkamah Syariah tidak berdiri sendiri (*independent*), namun ia tetap berada di bawah sistem kehakiman nasional.

#### **2.4. Bidangkuasa Mahkamah Syariah di Aceh Pasca Kuasa Autonomi Khusus.**

Perbincangan mengenai bidangkuasa Mahkamah Syariah di Aceh pasca autonomi khusus akan dibahagikan kepada beberapa bahagian perbincangan.

##### **2.4.1. Aceh Dan Kuasa Autonomi Khusus.**

Kuasa autonomi khusus merupakan rahmat yang sangat besar bagi kehidupan masyarakat Aceh. Ia telah membuka lembaran sejarah baru dalam pentadbiran pemerintah, kehakiman dan denyut nadi masyarakat. Aceh adalah satu-satunya daerah pertama yang diberikan hak sedemikian oleh pemerintah pusat Indonesia di Jakarta.

Namun perjuangan untuk memperolehi kuasa autonomi khusus ini bukanlah mudah, ia tidak diberikan secara sukarela oleh pemerintah Jakarta, sebaliknya ia adalah hasil daripada perjuangan tokoh masyarakat Aceh, Anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) dan juga disebabkan tekanan-tekanan melalui pemberontakan-pemberontakan yang dimulai oleh Darul Islam (DI) atau Tentera Islam Indonesia (TII) sehingga gerakan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang berlangsung puluhan tahun lamanya.

Sebelum memperolehi kuasa autonomi khusus, Aceh telahpun diberikan status keistimewaan yang dikenali sebagai Provinsi Daerah Istimewa Aceh pada tahun 1959.<sup>45</sup> Pada masa itu pemerintah pusat Indonesia telah memberikan Autonomi yang seluas-luasnya terutama dalam bidang keagamaan, pendidikan dan adat.

Keputusan Presiden ketika itu tidak memberikan sebarang perubahan di dalam kehidupan masyarakat Aceh. Oleh itu, pemerintah tidak menolak peraturan-peraturan pelaksanaan yang formal. Pada tahun 1974, pemerintah meluluskan undang-undang tentang syarat pemerintah di daerah yang memperuntukkan bahawa sebutan Daerah Istimewa Aceh hanyalah sekadar nama. Adapun peraturan yang diberikan di Daerah Istimewa Aceh adalah sama dengan peraturan yang berlaku di provinsi lain, tiada keistimewaannya.

Setelah kejatuhan Soeharto pada tahun 1997, yang mana zaman pemerintahannya selama 33 tahun dikenali sebagai masa Orde Baru (ORBA), peluang perubahan sistem pemerintahan dan kehakiman kembali terbuka. Dan pada tahun 1999 pemerintah pusat mengeluarkan peraturan tentang kuasa autonomi

---

<sup>45</sup> Drs. H. A. Basiq Djalil (2006), op.cit., h. 163.

daerah, iaitu Undang-undang No. 22 tahun 1999. Undang-undang ini memberikan bidangkuasa relatif luas kepada daerah-daerah di Indonesia untuk melakukan pembangunan daerah di pelbagai bidang yang disepakati.

Aceh sebagai daerah yang sangat menginginkan perubahan sistem pemerintahan dan pelaksanaan undang-undang Islam merasakan kehendak mereka tidak dipenuhi dengan Undang-undang No.22 tahun 1999 tersebut, sehingga pemerintah mengeluarkan lagi satu undang-undang iaitu Undang-undang No.44 tahun 1999 tentang penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Kemudian pada tahun 2001 lahir pula undang-undang baru dalam rangka penyempurnaan undang-undang yang berkaitan dengan keistimewaan dan kuasa autonomi daerah. Undang-undang tersebut iaitu Undang-undang No. 18 tahun 2001 tentang kuasa autonomi khusus bagi Daerah Istimewa Aceh menjadi Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

#### **2.4.2. Mahkamah Syariah Di Aceh Dalam Kuasa Autonomi Khusus**

Undang-undang kuasa autonomi khusus ini memberikan bidangkuasa kepada pemerintah provinsi Aceh untuk membentuk Mahkamah Syariah. Perlantikan ketua Polis Daerah dan ketua Pendakwa raya Tinggi juga harus mendapat persetujuan dari Gabenor Aceh.

Berhubung dengan pembentukan Mahkamah Syariah sebagaimana yang diamanatkan dalam Undang-undang Kuasa Autonomi Khusus No. 18 tahun 2001, diperuntukkan dalam Fasal 25 dan 26 sebagai berikut:<sup>46</sup>

*Pasal 25*

- (1) *Kehakiman Syariat Islam Provinsi NAD sebagai bagian dari sistem Kehakiman nasional dilakukan oleh Mahkamah syari'iyah yang bebas dari pengaruh pihak manapun;*
- (2) *Kewenangan Mahkamah Syariah sebagaimana dimaksud pada Ayat (1) didasarkan atas syariat Islam dalam sistem hukum nasional yang diatur lebih lanjut dengan kanun provinsi NAD;*
- (3) *Kewenangan sebagaimana dimaksud pada Ayat (2) diberlakukan bagi pemeluk agama Islam.*

Dan selanjutnya dalam Fasal 26 diperuntukkan :

*Pasal 26*

- (1) *Mahkamah Syariah sebagaimana dimaksud dalam Fasal 25 ayat (1) terdiri atas Mahkamah Syariah Kabupaten/Kota atau nama lain sebagai pengadilan peringkat pertama, dan Mahkamah Syariah Provinsi sebagai pengadilan peringkat banding di ibukota Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.*
- (2) *Mahkamah Syariah untuk pengadilan peringkat kasasi dilakukan pada Mahkamah Agung Republik Indonesia.*
- (3) *Hakim Mahkamah Syariah diangkat dan dihentikan oleh President sebagai Kepala Negara atas usul Menteri Kehakiman setelah mendapat pertimbangan Gabenor Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dan Ketua Mahkamah Agung*

Untuk meneruskan proses pelaksanaan undang-undang Islam di Aceh sebagaimana disebutkan dalam Undang-undang Autonomi Khusus No. 18 tahun 2001, maka pada tahun 2003 pemerintah Jakarta di bawah kepemimpinan presiden Megawati Soekarno Putri mengeluarkan satu keputusan pemerintah Republik Indonesia. Keputusan tersebut dinamakan Keputusan Republik Indonesia No.11

---

<sup>46</sup>*Himpunan Undang-undang keputusan Presiden Peraturan Daerah/Qanun Instruksi Gabenor Edaran Gabenor Berkaitan Pelaksanaan Syari'at Islam*, (2006), edisi kelima, Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 31.

tahun 2003 tentang Mahkamah Syariah dan Mahkamah Syariah Provinsi di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Keputusan Presiden Republik Indonesia.

Fasal 1 KEPPRES RI No. 11 tahun 2003 tentang Mahkamah Syariah diperuntukkan:<sup>47</sup>

- (1) *Pengadilan Agama yang telah ada di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam diubah menjadi Mahkamah Syar'iyah.*
- (2) *Mahkamah Syariah sebagaimana dimaksud ayat (1) adalah Mahkamah Syariah Banda Aceh, Mahkamah Syariah Sabang, Mahkamah Syariah Sigli, Mahkamah Syariah Meureudu, Mahkamah Syariah Bireuen, Mahkamah Syariah Lhokseumawe, Mahkamah Syariah Takengon, Mahkamah Syariah Lhok Sukon, Mahkamah Syariah Idi, Mahkamah Syariah Langsa, Mahkamah Syariah Kuala Simpang, Mahkamah Syariah Blang Kejeren, Mahkamah Syariah Kutacane, Mahkamah Syariah Meulaboh, Mahkamah Syariah Sinabang, Mahkamah Syariah Calang, Mahkamah Syariah Singkil, Mahkamah Syariah Tapaktuan, dan Mahkamah Syariah Jantho.*
- (3) *Pengadilan Tinggi Agama Banda Aceh diubah menjadi Mahkamah Syariah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, selanjutnya dalam Keputusan Presiden ini disebut Mahkamah Syariah Provinsi.*

Berdasarkan Undang-undang No. 18 tahun 2001 tentang kuasa autonomi khusus dan Keputusan Presiden Republik Indonesia No.11 tahun 2003 tentang Mahkamah di provinsi Aceh, pengkaji dapat ketahui bahawa Mahkamah Syariah yang baru dirasmikan di Aceh pada 1 Muharram 1424 H (4 Mac 2003) sebenarnya adalah Mahkamah Syariah (Pengadilan Agama) yang telah wujud sebelumnya, namun bidangkuasanya diperluas.<sup>48</sup>

---

<sup>47</sup> Ibid, h. 48.

<sup>48</sup> *Himpunan Peraturan Perundang-undangan tentang Mahkamah Syariah di Provinsi nanggroe Aceh Darussalam* (2007), edisi keempat, Banda Aceh: Mahkamah Syariah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 309.

### **2.4.3. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Aceh Sebelum Autonomi Khusus.**

Sebagaimana pengkaji ketahui, Mahkamah Syariah di Aceh merupakan lanjutan dan pengembangan dari Mahkamah Syariah sebelumnya, yang mana ketika itu bernama Pengadilan Agama. Pengadilan Agama merupakan nama bagi Mahkamah Syariah yang dibentuk di seluruh Indonesia.

Sebelum memperolehi kuasa autonomi khusus, bidangkuasa yang dimiliki oleh Mahkamah Syariah Aceh adalah sama seperti bidangkuasa yang dimiliki oleh seluruh Mahkamah Syariah yang ada di Indonesia iaitu berdasarkan pada Undang-undang No. 7 tahun 1989 tentang Peradilan Agama<sup>49</sup> dan telah diubah dan diperluas bidangkuasanya dengan Undang-undang No. 3 tahun 2006 tentang perubahan Undang-undang No. 7 Tahun 1989 tentang Peradilan Agama.

Dalam Fasal 49 (1) Undang-undang No. 7 tahun 1989 tentang Peradilan Agama disebutkan : *Kehakiman Agama bertugas dan berwenang memeriksa, memutus dan menyelesaikan perkara di tingkat pertama antara orang-orang yang beragama Islam dibidang :*

- a. *Perkawinan;*
- b. *Kewarisan, Wasiat dan Hibah, yang dilakukan berdasarkan hukum Islam;*
- c. *Wakaf dan sedekah.*

---

<sup>49</sup> Zainal Abidin (1992) *Kumpulan Peraturan dalam Lingkungan Kehakiman Agama*. Surabaya: Pengadilan Tinggi Agama Surabaya, h. 149.

Berdasarkan ketentuan undang-undang di atas dapat diketahui bahwasanya bidangkuasa Mahkamah Syariah ketika itu di seluruh wilayah Indonesia sangat terhad iaitu hanya meliputi bidang perkahwinan, pewarisan, wasiat, hibah, wakaf, dan sedekah sahaja.

Pada tahun 2006 bidangkuasa Mahkamah Syariah di Indonesia<sup>50</sup> diperluas dengan Undang-undang No. 3 tahun 2006 tentang perubahan Undang-undang No. 7 Tahun 1989 tentang Peradilan Agama.

Dalam Fasal 49 ( 37) Undang-undang tersebut memperuntukkan.<sup>51</sup>

#### *Pasal 49*

*Pengadilan Agama bertugas dan berwenang memeriksa, memutus dan menyelesaikan perkara di peringkat pertama antara-orang yang beragama Islam di bidang :*

- a. *Perkawinan;*
- b. *Waris;*
- c. *Wasiat;*
- d. *Hibah;*
- e. *Wakaf;*
- f. *Zakat;*
- g. *Infaq;*
- h. *Shadaqah; dan*
- i. *Ekonomi syariah.*

Walaupun bidangkuasa Mahkamah Syariah di Indonesia telah diperluaskan dengan undang-undang tersebut, ia tetap terhad dan tidak seluas bidangkuasa yang ada pada Mahkamah Syariah Aceh. Meskipun telah ditambah bidangkuasa muamalat

---

<sup>50</sup> Tidak termasuk Aceh, sebab Aceh tertakluk dalam bidangkuasa autonomi khusus

<sup>51</sup> *Himpunan Peraturan perundang-undangan tentang Mahkamah Syariah Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (2007), op.cit., hh. 15-16.*

seperti ekonomi syariah, namun bidangkuasa yang berkaitan dengan jenayah langsung tidak ada.

#### **2.4.4. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Aceh Pasca Kuasa Autonomi Khusus**

Bidangkuasa Mahkamah Syariah Aceh disebutkan dalam Undang-undang No. 18 tahun 2001 tentang kuasa autonomi khusus bagi provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, disebutkan dalam bab XII, iaitu sebagai berikut:<sup>52</sup>

##### *Pasal 25*

- (1) *Kewenangan Mahkamah Syariah sebagaimana dimaksud pada ayat (1), didasarkan atas Syariat Islam dalam sistem hukum nasional, yang diatur lebih lanjut dengan Qanun provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.*
- (2) *Kewenangan sebagaimana dimaksud pada ayat (2) diberlakukan bagi pemeluk agama Islam.*

Daripada undang-undang kuasa autonomi khusus di atas, pengkaji mendapati bahawasanya bidangkuasa Mahkamah Syariah Aceh tidak ditentukan oleh pemerintah pusat di Jakarta. Ini dapat dilihat dalam Fasal 25 (2) di atas; sebaliknya ia akan ditentukan oleh Kanun Provinsi Aceh. Pemerintah pusat hanya memberikan penjelasan yang bersifat umum, dan sistem Mahkamah Syariah tetap berada dalam sistem perundangan nasional. Ini bermaksud ia tidak berdiri sendiri, ia tetap di bawah kekuasan Mahkamah Agung Indonesia.

Bidangkuasa Mahkamah Syariah dijelaskan lebih terperinci dalam Kanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 10 tahun 2002 tentang kehakiman syariat

---

<sup>52</sup> Ibid, h. 48.

Islam. Sebagaimana termaktub dalam Bab III Fasal 49 undang-undang tersebut sebagai berikut:<sup>53</sup>

*Pasal 49*

*Mahkamah Syariah bertugas dan berwenang memeriksa, memutus dan menyelesaikan perkara-perkara pada peringkat pertama, dalam bidang :*

- a. *Ahwal al-syakhshiya;*
- b. *Mu'amalah;*
- c. *Jenayah.*

*Pasal 50*

- (1) *Mahkamah Syariah Provinsi bertugas dan berwenang memeriksa dan memutuskan perkara yang menjadi kewenangan Mahkamah Syariah dalam peringkat banding.*
- (2) *Mahkamah Syariah Provinsi juga bertugas dan berwenang mengadili dalam peringkat pertama dan terakhir sengketa kewenangan antar Mahkamah Syariah di Nanggroe Aceh Darussalam.*

*Pasal 51*

*Selain tugas dan kewenangan sebagaimana yang dimaksud dalam pasal 49 dan pasal 50, Mahkamah dapat diserahi tugas dan kewenangan lain yang diatur dalam Qanun.*

*Pasal 52*

- (1) *Ketua Mahkamah mengadakan pengawasan terhadap pelaksanaan tugas dan tingkah laku para hakim, Panitera, Sekretaris dan Juru Sita di daerah Hukumnya.*
- (2) *Selain tugas sebagaimana yang dimaksud dalam ayat (1) Ketua Mahkamah Syariah Provinsi di daerah hukumnya melakukan pengawasan terhadap jalannya Kehakiman di peringkat Mahkamah Syariah dan menjaga agar Kehakiman diselenggarakan dengan adil, jujur, tepat dan seksama.*
- (3) *Dalam melaksanakan pengawasan sebagaimana yang dimaksud dalam ayat (1) dan (2), ketua mahkamah dapat memberikan petunjuk, teguran, peringatan dan sanksi yang dipandang perlu.*

---

<sup>53</sup> Ibid, h. 164.

(4) Pengawasan sebagaimana yang dimaksud dalam ayat (1), (2), dan (3) tidak boleh mengurangi kebebasan Hakim dalam memeriksa dan memutus perkara.

Kanun tersebut telah menetapkan bidangkuasa Mahkamah Syariah kepada tiga, iaitu *al-ahwāl al-ṣyakhshiyah* (hukum kekeluargaan), muamalat dan jenayah. Dan penjelasan terhadap ketiga bidangkuasa tersebut dijelaskan lagi oleh pemerintah dalam penjelasan kanun tersebut, sebagai berikut:<sup>54</sup>

- a. Yang dimaksudkan dengan bidang kuasa dalam bidang *al-ahwāl al-ṣyakhshiyah* meliputi hal-hal yang diatur dalam Fasal 49 Undang-undang No. 7 tahun 1989 tentang pengadilan agama beserta penjelasan daripada Fasal tersebut, kecuali wakaf, hibah, dan sedekah.
- b. Yang dimaksudkan dengan bidangkuasa dalam bidang muamalat meliputi hukum kebendaan dan perikatan seperti :
  - Jual beli, hutang piutang
  - Qiradh (permodalan)
  - Musaqah, muzara'ah, mukhabarah (bagi hasil pertanian)
  - Wakilah (kuasa), Syirkah (perkongsian)
  - Ariyah( (pinjam meminjam), hajru (penyitaan harta), Syuf'ah (hak paksa), rahnu (gadai)
  - Ihya 'u al-mawat (pembukaan tanah), ma 'adin (tambang), luqathah (barang temuan)
  - Perbankan, ijarah (sewa menyewa), takaful
  - Perburuhan
  - Harta rampasan

---

<sup>54</sup> Ibid, h. 176.

- Wakaf, hibah, sedekah, dan hadiah.
- c. Yang dimaksudkan dengan bidangkuasa dalam bidang jenayah adalah sebagai berikut:
- Hudud yang meliputi:
    - Zina
    - Menuduh berzina
    - Mencuri
    - Merompak
    - Minuman Keras dan *Napza*
    - Murtad
    - Pemberontakan (*bughat*)
  - Qisas dan diat yang meliputi:
    - Pembunuhan
    - Penganiayaan
  - *Ta'zir* yaitu hukuman yang dijatuhan kepada orang yang melakukan kesalahan selain hudud dan qisas dan diat seperti :
    - Judi
    - Khalwat
    - Meninggalkan solat fardhu dan puasa Ramadhan.

Berdasarkan kepada penjelasan kanun di atas, membuktikan bahawa bidangkuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah Aceh sangat luas, dan boleh

dikatakan pemerintah pusat memberikan kebebasan tidak terhad. Rakyat Aceh melalui Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA)<sup>55</sup> boleh menentukan sendiri sejauh mana bidangkuasa yang diinginkan. Namun demikian, setelah diberikan kebebasan yang penuh, pemerintah pusat turut memberikan syarat iaitu Mahkamah Syariah tetap berada dalam sistem perundangan nasional sebagaimana termaktub dalam Undang-undang Kuasa Autonomi Khusus No. 18 tahun 2001 bab XII Fasal 5( 2 ).

Mengenai bidangkuasa kekeluargaan, Mahkamah Syariah di Aceh masih tetap berpandukan pada bidangkuasa sebelum pembentukan Mahkamah Syariah, yakni selagi bernama Pengadilan Agama, iaitu berpandukan pada Undang-undang No. 7 Tahun 1989 tentang Mahkamah Syariah. Namun ada beberapa perkara tidak berpandukan pada undang-undang tersebut iaitu wakaf, hibah dan sedekah. Dengan itu pemerintah Aceh akan membuat kanun khusus untuk perkara-perkara tersebut.

Walaupun bidangkuasa Mahkamah Syariah telah diperluas, namun dalam pelaksanaannya masih belum dapat dikuatkuaskan sekarang. Ini disebabkan tidak semua bidangkuasa tersebut telah digubal kanun. Mahkamah Syariah baru dapat melaksanakan bidangkuasanya apabila kanun memberikan bidangkuasa tersebut yang telah digubal dan diluluskan bersama oleh DPRA dan pemerintah Aceh.

Sehingga kini, beberapa kanun saja yang diluluskan, di samping bidangkuasa kekeluargaan yang mengikut Undang-undang No. 7 tahun 1989 tentang Pengadilan Agama. Tetapi masih juga ada kanun yang telah diluluskan oleh DPRA pada tahun 2009 namun masih dalam perbincangan. Ini kerana sebahagian kandungan kanun

---

<sup>55</sup> Sebelum memperolehi kuasa autonomi khusus bernama Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD)

tersebut tidak dipersetujui oleh Gabenor Aceh. Kanun tersebut menjadi konflik antara Anggota DPRA dan masyarakat Aceh pada satu pihak dengan Gabenor atau Timbalan Gabenor Aceh yang mempunyai pemahaman agak liberal. Penyebabnya adalah dalam kanun tersebut terdapat hukuman *rejam* (membunuh pelaku zina yang telah bernikah sehingga mati). Sedangkan peruntukan-peruntukan lainnya tidak disanggah oleh gabenor dan timbalannya.

## **2.5. Kanun-Kanun Syariat Islam di Aceh Yang Telah diluluskan.**

Sesuai dengan arahan yang terdapat dalam Fasal 25 (2) Undang-undang No. 18 tahun 2001 tentang kuasa autonomi khusus, bahawa untuk melaksanakan syariat Islam yang dikuatkuasakan oleh Mahkamah Syariah mestilah dibuat kanun-kanun yang diperlukan terlebih dahulu. Sehingga saat ini, kanun-kanun yang telah diluluskan sebagai berikut:

### **Tahun 2002.**

Pada tahun 2002 telah diluluskan 24 kanun. Di antaranya Kanun No.1 tahun 2002 tentang pola dasar pembangunan Provinsi NAD dan Kanun No.24 tahun 2002 tentang perubahan anggaran pendapatan dan belanjawan daerah. Tidak semua kanun yang diluluskan tersebut berkaitan dengan bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Manakala kanun-kanun yang berkaitan dengan bidangkuasa Mahkamah Syariah ialah sebagai berikut :

1. Kanun No. 10 tahun 2002 tentang kehakiman syariat Islam;
2. Kanun No. 11 tahun 2002 tentang pelaksanaan syariat Islam bidang akidah, ibadah, dan syiar Islam.

### **Tahun 2003.**

Pada tahun 2003 pemerintah Aceh telah meluluskan 13 kanun. Di antaranya Kanun No. 2 tahun 2003 tentang susunan dan kedudukan dan bidang kuasa Kabupaten dan Kota dalam Provinsi NAD.

Sedangkan kanun-kanun yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah ialah sebagai berikut :

1. Kanun No. 12 Tahun 2003 tentang arak dan minuman sejenisnya.
2. Kanun No. 13 Tahun 2003 tentang perjudian.
3. Kanun No. 14 Tahun 2003 tentang khalwat.

### **Tahun 2004.**

Pada tahun ini juga pemerintah telah meluluskan beberapa kanun. Namun yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah terdapat dua, iaitu :

1. Kanun No. 7 Tahun 2004 tentang pelaksanaan Zakat.
2. Kanun No. 11 Tahun 2004 tentang syarat fungsi anggota keselamatan (polis).

**Tahun 2005.**

Pada tahun 2005 pemerintah Aceh telah meluluskan beberapa kanun, namun tidak terdapat satu pun kanun yang berkaitan langsung dengan bidangkuasa Mahkamah Syariah.

**Tahun 2006.**

Pada tahun 2006 pemerintah Aceh telah meluluskan beberapa kanun. Sama seperti tahun 2005, tidak terdapat satu pun kanun yang berkaitan langsung dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

**Tahun 2007.**

Pada tahun 2007 pemerintah Aceh kembali meluluskan sebuah kanun yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah iaitu Kanun No. 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal.

**Tahun 2008.**

Pada tahun 2008 ada dua kanun diluluskan, tetapi tidak berkaitan dengan Mahkamah Syariah.

## **Tahun 2009.**

Pada 14 September 2009, Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA) telah meluluskan kanun tentang undang-undang jenayah iaitu Kanun Hukum Jenayah. Ia diluluskan bersama-sama dengan Kanun Acara Jenayah, Kanun Penanaman Modal, Kanun Wali Nanggroe, dan Kanun Perlindungan Perempuan.<sup>56</sup>

Kanun Hukum Jenayah walaupun telah diluluskan oleh DPRA tetapi sampai saat ini belum dipersetujui oleh Gabenor provinsi NAD. Sebab penolakan pihak Eksekutif Aceh adalah kewujudan peruntukan hukuman rejam sampai mati kepada penzina yang telah berkahwin. Peruntukan tersebut terdapat di dalam Bahagian Kelima undang-undang tersebut, iaitu :

### ***Bagian Kelima***

#### ***Zina***

##### ***Pasal 24***

- (1) *Setiap orang yang dengan sengaja melakukan zina diancam dengan ‘uqubat hudud 100 (seratus) kali cambuk bagi yang belum menikah dan ‘uqubat hudud 100 (seratus) kali cambuk serta ‘uqubat rejam/hukuman mati bagi yang sudah menikah.*
- (2) *Setiap orang yang dijatuhi ‘uqubat sebagaimana dimaksud pada ayat (1) dapat dikenakan ‘uqubat ta’zir penjara paling lama 40 (empat puluh) bulan.*

##### ***Pasal 25***

- (1) *Dalam hal suami atau isteri melihat pasangannya melakukan perbuatan zina, dapat mengajukan pengaduan, dan menggunakan sumpah sebagai alat bukti.*
- (2) *Sumrah sebagaimana dimaksud pada ayat (1) dilakukan di depan hakim dengan nama Allah sebanyak 5 (lima) kali, pada 4 (empat) sumpah pertama dia*

---

<sup>56</sup> Radzie, *Hukum Rejam Diluluskan*, <http://www.acehpengkaji.com/berita/hukum-rejam-diluluskan/> 14/9/2009, 20 September 2009.

*menyatakan bahwa dia telah melihat isteri atau suaminya melakukan perbuatan zina. Pada sumpah yang terakhir dia menyatakan bahwa dia bersedia menerima lakanat Allah di dunia dan di akhirat apabila dia berdusta dengan sumpahnya.*

- (3) *Suami atau isteri sebagaimana dimaksud pada ayat (1) dan ayat (2), dapat mengikuti prosedur yang sama bersumpah dengan nama Allah sebanyak 5 (lima) kali, 4 (empat) kali menyatakan bahwa tuduhan suami atau isterinya tidak benar dan 1 (satu) kali yang terakhir menyatakan bersedia menerima lakanat Allah di dunia dan di akhirat apabila dia berdusta dengan sumpahnya ini.*
- (4) *Apabila suami dan isteri saling bersumpah, keduanya dibebaskan dari ‘uqubat.*

#### *Pasal 26*

*Perempuan yang hamil di luar nikah tidak dapat dituduh telah melakukan perbuatan zina tanpa dukungan alat bukti yang cukup.*

Disebabkan timbulnya konflik pada Bahagian Kelima ini, maka atas cadangan pemerintah Aceh dan disambut oleh anggota DPRA yang baru bagi periode 2009-2014 maka kanun ini kembali disemak. Dan sehingga pengkajian ini dibuat belum lagi diketahui keputusan baru yang dibuat. Peruntukan-peruntukan lain selain daripada peruntukan hukuman rejam ini tidak mendapat bantahan daripada mana-mana pihak.

Dengan kelulusan kanun ini, maka kanun-kanun yang telah diluluskan sebelumnya iaitu Kanun No. 12 tahun 2003 tentang arak dan minuman sejenisnya, Kanun No. 13 tahun 2003 tentang perjudian dan Kanun No. 14 tahun 2003 tentang Khalwat dimansuhkan.

Kanun ini memperuntukkan juga tentang *jarīmah* dan ‘*uqūbat (denda)* bagi kesalahan jenayah arak, perjudian, khalwat, ikhtilath, perzinaan, gangguan seksual, pemerkosaan, qazaf, liwat, dan musahaqah, sebagaimana terdapat dalam Bab II Fasal 2 dari kanun jenayah tersebut.

## **2.6. Kepada Siapa Kanun Syariat Islam Dikuatkuasakan**

Kanun-kanun yang berkaitan dengan syariat Islam tidak dikuatkuasakan ke atas seluruh masyarakat Aceh, namun hanya berkuatkuasa ke atas orang Islam yang melakukan kesalahan di Aceh. Dalam kanun jenayah tersebut dijelaskan pada Bab II Fasal 2 tentang pesalah jenayah, iaitu :

- a. Orang Islam yang melakukan *jarīmah* di Aceh ;
- b. Orang bukan Islam melakukan *jarīmah* di Aceh bersama orang Islam, dan ia memilih untuk disabit dengan undang-undang jenayah ;
- c. Orang bukan Islam yang melakukan jenayah di Aceh yang tidak ada peruntukan dalam Kitab Undang-undang Hukum Pidana (KUHP)<sup>57</sup> atau penentuan jenayah di luar KUHP tetapi terdapat dalam Kanun Jenayah Aceh.

## **2.7. Jenis-jenis Denda (*‘uqūbat*) Dan Bentuk Ta’zir.**

Jenis-jenis denda (*uqubat*) yang peruntukkan dalam kanun ini adalah ;

- a. Hudud
- b. Ta’zir

Hudud merupakan satu bentuk hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T sehingga tidak boleh diubah lagi, sedangkan ta’zir adalah jenis hukuman yang tidak ditetapkan Allah S.W.T, namun terpulang kepada budi bicara hakim untuk menentukan hukuman sebagai bentuk pengajaran.

---

<sup>57</sup> KUHP ialah buku kumpulan hukum jenayah Indonesia.

Jenis-jenis ta'zir dijelaskan dalam Kanun Jenayah tersebut adalah sebagai berikut;

- a. Sebat
- b. Denda
- c. Penjara
- d. Perampasan barang-barang tertentu
- e. Pencabutan izin dan pencabutan hak
- f. Pampasan

Untuk lebih jelas lagi mengenai jenis-jenis *jarīmah*, bentuk *jarīmah* dan hukuman yang ditetapkan bagi setiap jenis dan bentuk *jarīmah* tersebut boleh melihat pada lampiran yang terdapat dalam disertasi ini.

## **2.8. Kesimpulan.**

Perjalanan Mahkamah Syariah di Aceh sudah melalui tempoh yang sangat panjang, bermula sejak masa Aceh berbentuk kerajaan, mengalami zaman penjajahan, Indonesia mendapat kemerdekaan sehingga akhirnya Aceh memperolehi kuasa autonomi khusus pada tahun 2001.

Perkembangan Mahkamah Syariah tidak berjalan secara baik, terutama saat penjajah Belanda dan Jepun memasuki Aceh. Kedudukan Mahkamah Syariah walaupun tidak dihilangkan sepenuhnya namun diketepikan dan digantikan dengan Mahkamah Adat dan sivil menurut kemahuan mereka.

Setelah kemerdekaan Republik Indonesia, penjajah keluar dari Aceh dan Aceh bergabung bersama Indonesia, namun kedudukan dan pentadbiran Mahkamah Syariah juga tidak bertambah baik. Pemerintah Indonesia kurang memberi perhatian pada Mahkamah Syariah, sebaliknya memberi perhatian pada Mahkamah Sivil peninggalan penjajah. Namun sedikit demi sedikit kedudukan, pentadbiran dan bidang kuasa Mahkamah Syariah berusaha ditingkatkan, namun tetap tidak berlaku seperti yang diharapkan terutama dalam kalangan masyarakat Aceh.

Akhirnya Aceh memperolehi kuasa utonomi khusus pada tahun 2001. Undang-undang ini merekomendasikan pembentukan Peradilan Agama dengan nama baru iaitu Mahkamah Syariah. Dan bidang kuasanya pun sangat luas, iaitu pelaksanaan syariat Islam secara *kaffah* yang memberi maksud seluruh ruang lingkup kehidupan. Sebelum dilaksanakan bidang kuasa mahkamah ini , kanun harus digubal dan diluluskan terlebih dahulu sehingga aturan-aturan dan pelaksanaannya jelas dan dapat berjalan dengan baik.

Walaupun Mahkamah Syariah telah terbentuk dan bidang kuasanya sangat luas, ini bukan bermaksud Mahkamah Syariah di Aceh berdiri sendiri, sebaliknya ia tetap berada dalam sistem perundangan nasional. Mahkamah Syariah di Aceh tetap ada hubungan dengan Peradilan Agama Indonesia dan Mahkamah Agung.

Pada bab berikutnya iaitu bab ketiga pengkaji akan menerangkan hubungan Mahkamah Syariah di Aceh dengan mahkamah-mahkamah lain iaitu Peradilan agama, Mahkamah Agung dan peradilan-peradilan di bawahnya.